

Najib hadir majlis perkahwinan anak Ahmad Said
Malaysian Insider
Mei 17, 2014
Oleh Mohd Farhan Darwis

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak tiba di kediaman bekas Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Said di Kemaman hari ini bagi memeriahkan majlis perkahwinan anak perempuannya.

Najib tiba dengan menaiki helikopter dari Pekan, Pahang sekitar jam 1.10 petang tadi.

Salah faham berhubung tarikh perkahwinan anak perempuan Ahmad dengan Najib menjadi punca Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kijal itu mengisytiharkan beliau keluar dari Umno bersama Adun Ajil Ghazali Taib dan Adun Bukit Besi Roslee Daud pada 13 Mei lalu.

Tindakan itu dilakukan mereka sehari selepas Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman mengangkat sumpah sebagai menteri besar baru Terengganu menggantikan Ahmad.

Isu itu bagaimanapun selesai kurang 48 jam berikutnya apabila Najib dan Ahmad saling bermaafan.

Pada majlis itu, Najib turut berkesempatan melaksanakan upacara menepung tawar pasangan Nor Ashahirah Ahmad, 27, dan suaminya Mohd Shahirpaul Redzuan Musa, 28.

Majlis ijab kabul kedua mempelai berlangsung pada 9 Mei lalu di Kuala Terengganu.

Turut hadir dalam majlis perkahwinan tersebut adalah Ahmad Razif, Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakob, Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek yang juga ahli Parlimen Kemaman, serta Menteri Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh, yang juga ahli Parlimen Besut.

Najib sempat menghabiskan masa lebih sejam di majlis tersebut. – 17 Mei, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-hadir-majlis-perkahwinan-anak-hamad-said>